

BILANGAN 25 MENCEROBOH



Gambar yang diambil di hadapan sebuah penjara setempat ini kiriman Sdr Zaidy Nandir.

Ada dua kesilapan dalam kenyataan di sebelah kiri anda ini.

Pertama: ejaan **di-benarkan** hendaklah ditulis sebagai **dibenarkan**.

Kedua: Larangan Tidak Dibenarkan Menceroboh seolah-olah memberikan gambaran akan adanya pencerobohan yang dibenarkan. Sebenarnya, kerja menceroboh itu memang tidak dibenarkan langsung.

Berbeza dengan :

- 01 Tidak dibenarkan merokok
- 02 Tidak dibenarkan berludah di sini
- 03 Tidak dibenarkan membawa makanan dari luar
- 04 Tidak dibenarkan memancing

Kerja merokok, berludah, membawa makanan dan memancing tidaklah dianggap suatu larangan yang mutlak sifatnya. Kerja-kerja tersebut mungkin bukan larangan di tempat-tempat tertentu.

Untuk tidak menggelirukan pengguna, gunakanlah kata larangan yang tegas iaitu jangan.

- 05 Jangan menceroboh.
- 06 Jangan masuk
- 07 Jangan cabul

Sekadar contoh, lihat petikan kedua; tegas, tepat dan padat; Bahaya – Jangan Dekat.

Kekata **usah** juga kata larangan. Bezanya, **usah** kurang ketegasannya berbanding dengan jangan. Biasanya, **usah** mengandungi unsur persuasif.

- 06 Usah menangis
- 07 Usah berteriak
- 08 Usah dikenangkan perkara yang telah berlalu

Penggunaan partikel 'lah' dalam ayat larangan seperti usahlah (tak usahlah) atau janganlah (tak janganlah -- tidak wujud dalam bahasa Melayu) boleh melembutkan unsur ketegasan. Jadi, kurang tepatlah kita menambahkan partikel 'lah' bagi kenyataan di atas.

- 09 Janganlah menceroboh